

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 1(4)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 04 TAHUN 2014**

---

**Tarikh : 28 Mei 2014 (Rabu)**  
**Masa : 10.00 pagi hingga 11.10 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**HADIR**

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi<br>Yang Dipertua MPSJ                        | - | Pengerusi               |
| 2.  | Encik Mohd Zulkurnain bin Che Ali<br>Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Stephen Chin Sou Bong   | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Tai Cheng Heng  | - | "                       |
| 5.  | Encik Sufari bin Tinnin   | - | "                       |
| 6.  | Encik Chong Hoon Ming   | - | "                       |
| 7.  | Puan Azizan binti Jamaludin   | - | "                       |
| 8.  | Encik Chia Yew Ken  | - | "                       |
| 9.  | Puan Sazana binti Isa   | - | "                       |
| 10. | Encik Loka Ng Sai Kai   | - | "                       |
| 11. | Encik Michael Noel Jalleh   | - | "                       |

- |     |  |   |   |
|-----|--|---|---|
| 12. | Encik Yap Kok Weng                       | - | " |
| 13. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh       | - | " |
| 14. | Ir. Izham bin Hashim                     | - | " |
| 15. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 16. | Puan Rozaina binti Hamzih                | - | " |
| 17. | Encik Wan Hock Leong                     | - | " |
| 18. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi           | - | " |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |   |   |                           |
|----|---|---|---------------------------|
| 1. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid           | - | Setiausaha<br>Perbandaran |
| 2. | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh | - | Ahli Majlis               |
| 3. | Encik Michael Tamilarason a/l K. Nadaysen | - | "                         |

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Puan Hamizun binti Mohd Basar  
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
2. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
3. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
6. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
7. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman  
Pengarah, Jabatan Hasil
8. Puan Anita binti Abd. Jalil  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
10. Puan Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
11. Encik Zahiruddin bin Hashim  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
12. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari  
Pengarah, Jabatan Bangunan
13. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

14. Puan Noraziah binti Ali  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
15. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
16. Puan Satinah binti Safirol  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
17. Puan Mimi Zareena binti Md Nor  
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
18. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
19. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
20. Puan Aida binti Omar  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
21. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
22. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
23. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
24. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
25. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
26. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
27. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan

28. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
29. Puan Nor Shahela binti Amzah  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
30. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
31. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
32. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
33. Encik Alias bin Miskon  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
34. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
35. Puan Rahimah binti Aisa @ Hassan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
36. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
37. Encik Khairul Nazim bin Arbain  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
38. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
39. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
40. Encik Samsudin bin Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
41. Puan Asmidar binti Shaarin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

42. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
43. Cik Adibah binti Abdullah  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
44. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
45. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
46. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
47. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
48. Puan Noraini binti Nazaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
49. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
50. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
51. Encik Tarmidi bin Kadri  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
52. Puan Diana binti Mohamad Daim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
53. Puan Dayana binti Omar  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
54. Encik Ahmad Fairuz bin Fadzil  
Ahli Muzik Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
55. Puan Nor Afifah binti Hussein  
Pembantu Setiausaha Pejabat, Pejabat Yang Dipertua

**URUSETIA**

1. Encik Salmi bin Mat Saad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

## 1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

## 2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 04/2014 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

### 2.1 **PENARAFAN MPSJ SEBAGAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN BERTARAF 5 BINTANG DALAM SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) 2013**

MPSJ telah dianugerahkan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf **5 Bintang** oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2013 dan **menduduki tempat pertama dengan memperolehi 90.30 markah** pada 28 April 2014.

Pencapaian ini sekaligus meletakkan MPSJ sebagai **Pihak Berkuasa Tempatan paling cemerlang di Malaysia** dan juga di Negeri Selangor seterusnya membuka cabaran yang lebih luas kepada MPSJ untuk memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan sentiasa pada tahap terpuji.

MPSJ bertekad untuk terus meningkatkan usaha dan komitmen bagi memartabatkan penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih tinggi menerusi perkhidmatan yang mesra, cekap dan berintegriti sekaligus pada masa yang sama membina nama MPSJ sebagai sebuah PBT yang meneraju, inovatif dan berprestasi tinggi.



MPSJ merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung terutamanya kepada Kerajaan Negeri Selangor atas kepercayaan dan sokongan sehingga MPSJ berjaya mencapai prestasi yang cemerlang dan berprestij ini. MPSJ juga sentiasa mengharapkan sokongan semua pihak untuk terus melakar lebih banyak kejayaan pada masa-masa akan datang.

## **2.2 SEMINAR BAZAR RAMADAN MPSJ 2014**

Penganjuran Seminar Bazar Ramadan MPSJ 2014 telah diadakan seperti butiran berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>Masa</b>	<b>Lokasi</b>
6 Mei 2014	7.30 pagi – 1.00 ptg	Dewan Serbaguna MPSJ, Puchong Indah
7 Mei 2014	7.30 pagi – 1.00 ptg	Stadium MPSJ, Serdang Jaya
8 Mei 2014	7.30 pagi – 1.00 ptg	Dewan Serbaguna MPSJ, SS15 Subang Jaya

Antara modul pengisian Seminar Bazar Ramadan MPSJ 2014 ialah :

- i) Taklimat Modul Kesihatan Dan Kebersihan
- ii) Taklimat Modul Permit Bazar Ramadan MPSJ 2014
- iii) Taklimat Modul Pengendalian Makanan
- iv) Taklimat Modul Halal Toyyiban
- v) Taklimat Modul Kesedaran Alam Sekitar

Berikut adalah jumlah dan lokasi Bazar Ramadan MPSJ bagi tahun 2014:

**BAZAR RAMADAN MPSJ 2014**

<b>BIL</b>	<b>ZON / KAWASAN</b>	<b>JUMLAH PETAK</b>
i	Subang Jaya	395
ii	Puchong	464
iii	Kinrara	165
iv	Serdang / Seri Kembangan	450
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,474</b>

**SUBANG JAYA**

<b>BIL</b>	<b>LOKASI BAZAR RAMADAN</b>	<b>PETAK</b>
i	USJ 7, SUBANG JAYA (Jalan USJ 7/3C - Hadapan Gerai Majlis USJ 7 )	60 PETAK
ii	USJ 4, SUBANG JAYA (Jalan USJ 4/5)	160 PETAK
iii	USJ 1 (PANGSAPURI ANGSANA) (Tapak Pasar Malam)	36 PETAK
iv	PINGGIRAN USJ (Jalan Pinggiran USJ 1/1)	20 PETAK
v	TAMAN BATU TIGA, SHAH ALAM (Hadapan Gerai Majlis Taman Batu 3)	20 PETAK
vi	PUTRA HEIGHTS (Berhadapan Flat Sri Mutiara)	35 PETAK
vii	SS13, SUBANG JAYA (Hadapan Stadium Mini, Jalan SS13/1)	64 PETAK
<b>JUMLAH</b>		<b>395 PETAK</b>

**PUCHONG**

<b>BIL</b>	<b>LOKASI BAZAR RAMADAN</b>	<b>PETAK</b>
i	TAMAN PUCHONG PERDANA <b>(Jalan Perdana 2)</b>	119 PETAK
ii	TAMAN PUCHONG PERMAI <b>(Jalan Permai 2/10)</b>	10 PETAK
iii	TAMAN PUCHONG PERMAI <b>(Jalan Permai 1/10 - Sebelah Surau Ra'ayah)</b>	40 PETAK
iv	TAMAN PUCHONG PRIMA <b>(Jalan Prima 5/3 - OTK)</b>	125 PETAK
v	TAMAN PUCHONG UTAMA <b>(Jalan Utama 2/1 - Maju Jaya)</b>	40 PETAK
vi	TAMAN WAWASAN, PUSAT BANDAR PUCHONG <b>(Jalan Wawasan 2/22)</b>	40 PETAK
vii	PUCHONG UTAMA <b>(Jalan PU 7/1 - JPN)</b>	80 PETAK
viii	PUCHONG INDAH <b>(Hadapan Stesen Minyak PETRON)</b>	10 PETAK
<b>JUMLAH</b>		<b>464 PETAK</b>

**KINRARA**

<b>BIL</b>	<b>LOKASI BAZAR RAMADAN</b>	<b>PETAK</b>
i	BANDAR KINRARA SEK 5 <b>(Jalan BK 5A/1)</b>	100 PETAK
ii	TAMAN KINRARA SEK 1 <b>(Jalan Taman Kinrara 1/1)</b>	15 PETAK
iii	TAMAN TENAGA	30 PETAK
iv	TAMAN KINRARA SEKSYEN 4	20 PETAK
<b>JUMLAH</b>		<b>165 PETAK</b>

**SERDANG / SERI KEMBANGAN**

<b>BIL</b>	<b>LOKASI BAZAR RAMADAN</b>	<b>PETAK</b>
i	TAMAN SERI SERDANG (Jalan 18/35)	210 PETAK
ii	TAMAN UNIVERSITI INDAH (Jalan 2/10)	10 PETAK
iii	TAMAN PINGGIRAN PUTRA (Jalan PP 1/2)	50 PETAK
iv	TAMAN EQUINE (Jalan PP 1B)	80 PETAK
v	TAMAN PUNCAK JALIL (Jalan PUJ 3/2)	100 PETAK
<b>JUMLAH</b>		<b>450 PETAK</b>

Pihak Majlis juga menetapkan bahawa peniaga yang telah mendapat tawaran berniaga di Bazar Ramadan MPSJ tetapi gagal menghadiri seminar yang dianjurkan ini, tawaran berniaga tersebut akan dibatalkan.

Sehubungan itu, MPSJ berharap agar para peniaga yang hadir ke seminar yang dianjurkan ini akan mematuhi peraturan dan syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan bagi mengelak dari dikenakan sebarang tindakan oleh pihak Majlis.

**2.3 ANUGERAH SEKOLAH SEJAHTERA**

Majlis Perasmian Anugerah Sekolah Sejahtera MPSJ 2014 telah diadakan pada 20 Mei 2014 (Selasa) bertempat di Swan Convention Centre, Tingkat 4, Sunway Medical Centre, Bandar Sunway.

## **2.4 TOWN HALL MEETING**

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah membuat penetapan untuk mengadakan Town Hall Meeting sebanyak 4 kali setahun pada tahun 2014 dimana pelaksanaannya adalah mengikut zon.

Zon Seri Kembangan dipilih sebagai lokasi Town Hall Meeting Siri 02/2014 yang akan diadakan pada 17 Mei 2014 (Sabtu), jam 9.00 pagi bertempat di Kompleks 3K MPSJ, Jalan SR 3/4, Seri Kembangan.

Town Hall Meeting akan menjadi platform kepada pihak Majlis untuk bertemu dengan wakil penduduk. Antara pengisian sepanjang berlangsungnya Town Hall Meeting ialah pameran awam, Kaunter Bergerak dan Kaunter Aduan.

## **2.5 KEMPEN GAYA HIDUP SIHAT**

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama Worldwide Holdings telah menganjurkan Program Kempen Gaya Hidup Sihat MPSJ – Worldwide Holdings 2014 pada 24 Mei 2014 (Sabtu), bermula jam 7.30 pagi bertempat di Worldwide Landfill Park, Ayer Hitam, Puchong.

Antara aktiviti yang diadakan ialah Kayuhan Hidup Sihat Kategori Umum dan Kategori Keluarga. Turut diadakan ialah Kempen 10 Ribu Langkah mengelilingi Worldwide Landfill Park.

Program ini telah dirasmikan oleh Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi Dan Inovasi.

## **2.6 ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM SELANGOR (AISAS) 2014**

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menerima kunjungan daripada panel penilai Anugerah Inovasi Sektor Awam Selangor (AISAS) pada 28 Mei 2014 (Rabu). Kali ini, MPSJ akan mempertaruhkan dua projek inovasi iaitu :

- i) Integration Mobile MPSJ (IMMPSJ), dan
- ii) Lesen Ekspres

Diharapkan penyertaan pada tahun ini akan membawa kejayaan kepada MPSJ dalam meningkatkan daya saing serta mewujudkan penandaarasan terhadap prestasi organisasi sekaligus mengiktiraf pembudayakan inovasi yang menjadi teras pemikiran utama dalam mencipta penyelesaian masalah yang kreatif di kalangan warga kerja MPSJ.

## **2.7 PERTANDINGAN KELAYAKAN SCRABBLE BAGI PEMILIHAN KE WORLD YOUTH SCRABBLE CHAMPIONSHIP (WYSC)**

Objektif program ini diadakan adalah bagi membuka ruang kerjasama antara Kompleks 3C MPSJ dan persatuan-persatuan di dalam Malaysia. Menjadi hub bagi membantu persatuan-persatuan di Malaysia dalam menjayakan program yang berorientasikan kemasyarakatan.

Program ini merupakan kerjasama pertama antara Kompleks 3C MPSJ dan Malaysia Scrabble Association (MSA). Pertandingan ini diadakan bagi mencari 10 orang peserta bagi mewakili Malaysia Youth Scrabble Championship (WYSC) yang akan diadakan di Sri Lanka pada bulan Ogos 2014. Pertandingan ini akan diadakan pada 31 Mei 2014 dan 01 Jun 2014 (Sabtu dan Ahad) bermula jam 9.00 pagi – 6.00 petang, bertempat di Bilik Jebat, Kompleks 3C, MPSJ.

## **2.8 MESYUARAT PENGURUSAN STRATEGIK SEPARUH PENGGAL TAHUN 2014 DAN BAJET 2015 MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

Mesyuarat Pengurusan Strategik Separuh Penggal Tahun 2014 dan Bajet 2015 Majlis Perbandaran Subang Jaya akan diadakan pada 12 hingga 14 Jun 2014 (Khamis – Sabtu). Ia bertujuan untuk mengukur, mengkaji dan membincangkan pencapaian pelan tindakan separuh penggal bagi tahun 2014 di samping menetapkan hala tuju dan merangka strategi pengurusan melalui pelaksanaan bajet berimbang bagi program-program tahun 2015.

Turut dimaklumkan satu Majlis Dialog Belanjawan Negeri Selangor 2015 akan diadakan pada 09 – 10 Jun 2014 (Isnin dan Selasa) bertempat di SACC Convention Centre, Shah Alam, Selangor. Program ini akan dirasmikan oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, Menteri Besar Selangor.

## **2.9 BENGKEL FOTOGRAFI**

Bengkel fotografi ini dianjurkan bertujuan untuk memupuk minat dan mencungkil bakat individu terutama pelajar dan golongan remaja. Selain memberi peluang kepada masyarakat setempat tentang ilmu fotografi. Program ini merupakan kerjasama antara Kompleks 3C MPSJ dan Saiful Nang Academy iaitu salah satu operator di Kompleks 3C MPSJ. Bengkel ini akan diadakan pada 14 Jun 2014 (Sabtu), jam 9.00 pagi – 1.00 petang bertempat di Bilik Jebat, Kompleks 3C, MPSJ.

Pengisian program ini adalah seperti berikut:

- i) Kelas kemahiran fotografi
- ii) Sesi outdoor bersama peserta
- iii) Asas ISO dan *shutter speed*
- iv) Asas *editing*

## **2.10 MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN YANG KETIGA BELAS TAHUN 2014**

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas Tahun 2014 akan bersidang pada 16 – 27 Jun 2014 bertempat di Bangunan Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

## **2.11 LAPORAN DEMAM DENGGI**

Bilangan kes denggi dilaporkan pada tahun ini sehingga Minggu Epid 21 (iaitu sehingga 24 Mei 2014) adalah sebanyak 3052 kes dilaporkan dan sebanyak 2701 kes disahkan positif.

Terdapat sembilan (9) kawasan 'hotspots' di kawasan pentadbiran MPSJ iaitu;

- i. USJ 11/2  
- 35 Kes
- ii. Taman Pinggiran Putra (Vista Pinggiran)  
- 17 Kes
- iii. Taman Universiti Indah (Apartment Excelsa)  
- 12 Kes
- iv. Taman Equine (Apartment Putra Permai)  
- 11 Kes
- v. USJ 9/2 – USJ 9/3J  
- 10 Kes
- vi. Taman Kinrara 4  
- 10 Kes
- vii. Taman Universiti Indah 1 (Jalan Indah 1/1 - 1/12)  
- 9 Kes
- viii. SS 17/2  
- 9 Kes
- ix. PJS 9 (Lagoon Perdana)  
- 5 Kes



Sehubungan dengan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan **Kempen 10 Minit** dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

## **2.12 PEMILIHAN KAWASAN MINI ZON BERSIH JKP MPSJ 2014**

Program Mini Zon Bersih adalah rentetan daripada program Zon Bersih yang telah diperkenalkan pada tahun 2010 oleh Kerajaan Negeri Selangor. MPSJ telah menjadi Johan pada tahun 2010, 2011 dan menjadi Johan Zon Bersih Kawasan Lama pada tahun 2012. Manakala pada tahun 2013, MPSJ telah memenangi anugerah dalam tiga kategori iaitu Dokumentasi, Kebun Komuniti dan Penyelenggaraan Kemudahan Awam.

Oleh yang demikian, bagi meneruskan pelaksanaan program ini pada tahun ini, MPSJ mengambil pendekatan untuk mengadakan Pertandingan Mini Zon Bersih Antara JKP MPSJ 2014 dan pada permulaan ini pihak Majlis mencadangkan Mini Zon Bersih ini melibatkan 4 Jawatankuasa Penduduk (JKP) sahaja.

Pemilihan JKP yang terlibat telah diadakan melalui sesi cabutan undi oleh Dato' YDP. MPSJ telah menetapkan kriteria 'Go Green' sebagai garis panduan pemilihan sesebuah kawasan untuk dipertandingkan dalam Mini Zon Bersih 2014. Objektif program ini diadakan ialah:

- i. Mewujudkan kawasan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ yang bersih, cantik dan harmoni serta mementingkan sifat 'Go Green' selaras dengan objektif Majlis Perbandaran Subang Jaya.

- ii. Melahirkan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ yang mementingkan kebersihan dan keceriaan di persekitaran kawasan mereka di samping memberi kemudahan kepada masyarakat.
- iii. Selain memastikan kawasan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ yang dipilih berada dalam keadaan bersih, penyertaan masyarakat setempat amatlah ditekankan bagi memupuk kesedaran dan budaya cintakan kebersihan.

Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ yang terpilih dalam Program Mini Zon Bersih MPSJ 2014 ialah seperti berikut:

Bil	DUN	Keputusan Pemenang	
		JKP	Ahli Majlis
i.	Subang Jaya	3	Encik Chia Yew Ken
ii.	Kinrara	11	Encik Mehanatan a/ Embamurthi
iii.	Sri Serdang	14	Puan Sazana binti Isa
iv.	Seri Kembangan	24	Encik Loka Ng Sai Kai

### 3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 03/2014 BERTARIKH 24 APRIL 2014.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 03/2014 bertarikh 24 April 2014 telah disahkan tanpa pindaan.

### 4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

#### 4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 06/2014 Bertarikh 07 Mei 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.45 m.s 78	En. Tai Cheng Heng	Wong Kem Chooa & Wong Suit Wah	Beliau memohon supaya Mesyuarat Jawatankuasa OSC mempertimbangkan semula keputusan ' <b>Tolak</b> ' berhubung permohonan Kebenaran Merancang ini.  <u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua memutuskan untuk mengekalkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.06/2014 seperti yang dicatatkan di

				<p>dalam Minit Mesyuarat.</p> <p>Dato' Yang Dipertua seterusnya memaklumkan bahawa perkara ini akan dirujuk semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang akan datang sekiranya permohonan baru atau rayuan dikemukakan oleh pihak pemohon.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

**4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)  
Bil. 07/2014 Bertarikh 21 Mei 2014**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.17 m.s 16	En. Stephen Chin Sou Bong	Kayumanis Properties Sdn. Bhd.	Beliau memohon supaya Mesyuarat Jawatankuasa OSC mempertimbangkan semula keputusan ' <b>Tolak</b> ' berhubung permohonan Kebenaran Merancang ini.

				<p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua memutuskan untuk mengekalkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.07/2014 seperti yang dicatatkan di dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa OSC memandangkan beberapa syarat-syarat teknikal dan kemudahan infrastruktur di kawasan sekitar tidak dapat menampung skim pembangunan di kawasan tersebut.</p>
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

#### **4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 03/2014 Bertarikh 08 Mei 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Bahagian Audit Dalam**

#### 4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 03/2014 Bertarikh 09 Mei 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 9.1.1 m.s 9	En. Loka Ng Sai Kai	Isu Banjir di Besraya, Serdang Lama dan Blu Water	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengambil tindakan segera untuk menangani masalah banjir yang kerap kali berlaku di kawasan Besraya, Serdang Lama dan Blu Water.</p> <p>Beliau turut memohon supaya Jabatan Kejuruteraan membuat kajian semula berhubung keseluruhan isu-isu berbangkit di kawasan Besraya termasuk masalah jalan masuk yang sempit dan kemudahan infrastruktur yang perlu dinaiktaraf di kawasan tersebut.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan</p>

				<p>Kejuruteraan untuk mengambil tindakan segera bagi mengenalpasti punca berlakunya masalah banjir di kawasan tersebut.</p> <p>Pihak Jabatan juga diminta untuk membuat kajian secara menyeluruh bagi melihat kaedah dan alternatif yang sesuai untuk dilaksanakan dalam menyelesaikan masalah ini.</p> <p>Selain itu, Dato' Yang Dipertua juga turut meminta supaya Jabatan Kejuruteraan menyemak segera status projek kawalan dan tebatan banjir di Taman Seri Serdang yang melibatkan kerjasama 3 agensi iaitu Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).</p>
2	Hal-Hal Lain	En. Wan Hock Leong	Isu Banjir Kilat Di Persimpangan Sunway South Quay dan Lagoon Perdana, Bandar Sunway.	Beliau memohon penjelasan berhubung status terkini yang diambil oleh pihak Majlis untuk menangani

				<p>masalah banjir kilat yang kerap kali berlaku di kawasan persimpangan Sunway South Quay dan Lagoon Perdana, Bandar Sunway.</p> <p>Beliau memohon supaya kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran di kawasan tersebut segera dilaksanakan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa pihak Jabatan telah mengambil maklum berhubung perkara ini dan sedang dalam peringkat mengemaskini dokumentasi untuk proses tender.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan untuk mengambil tindakan segera berhubung perkara ini dan seterusnya membuat kajian secara menyeluruh bagi melihat kaedah dan alternatif yang sesuai untuk dilaksanakan dalam menyelesaikan isu ini.</p>
--	--	--	--	--



3	Hal-Hal Lain	En. Tai Cheng Heng	Isu Banjir Di Pusat Perdagangan Seri Kembangan	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengambil tindakan segera untuk menangani masalah banjir yang kerap kali berlaku di Pusat Perdagangan Seri Kembangan.</p> <p>Beliau turut memohon penjelasan berhubung status terkini berkenaan cadangan oleh pihak perunding untuk projek tebatan banjir di kawasan Pusat Perdagangan Seri Kembangan.</p> <p>Selain itu, pihak Majlis juga diminta untuk menyemak semula syarat-syarat yang dikenakan ke atas pihak pemaju di kawasan pembangunan tersebut.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa pihak Jabatan telah mengambil tindakan berhubung perkara ini dan sedang dalam peringkat mengemaskini dokumentasi untuk proses tender.</p>
---	--------------	--------------------	--	---

				<p>Pihak Jabatan juga bersetuju untuk memasukkan syarat-syarat teknikal yang berkaitan dalam permohonan Kebenaran Merancang yang dikemukakan oleh pihak pemaju di kawasan pembangunan tersebut.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Kejuruteraan untuk membuat penyelarasan dengan pihak perunding bagi mengenalpasti punca berlakunya masalah banjir di kawasan tersebut.</p> <p>Pihak Jabatan juga diminta untuk membuat kajian secara menyeluruh bagi melihat kaedah dan alternatif yang sesuai untuk dilaksanakan dalam menyelesaikan isu ini.</p>
--	--	--	--	---

4	Hal-Hal Lain	En. Tai Cheng Heng	Cadangan Sambungan Laluan LRT di kawasan Serdang dan Seri Kembangan	<p>Beliau memohon maklumat mengenai cadangan dan perancangan untuk sambungan laluan LRT di kawasan Serdang dan seri Kembangan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Perancang Bandar supaya menjemput pihak perunding Kajian Lalulintas Dan Pengangkutan Jalan untuk mengadakan satu taklimat khas kepada Ahli Majlis berhubung laporan kajian tersebut serta menyampaikan maklumat mengenai cadangan sambungan laluan LRT dan MRT bagi fasa seterusnya yang merangkumi jajaran laluan di kawasan MPSJ.</p>
---	--------------	--------------------	---	---

**Tindakan : Jabatan Kejuruteraan**

#### 4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 03/2014 Bertarikh 09 Mei 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	En. Ir. Izham bin Hashim	Isu Kutipan Sampah di Kawasan USJ 1, Subang Jaya	<p>Beliau meminta supaya pihak Majlis memantau kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor kutipan sampah di kawasan USJ 1, Subang Jaya berikutan terdapat aduan yang mengatakan pekerja-pekerja kontraktor kutipan sampah berkenaan telah membuka plastik-plastik sampah dan memilih sampah-sampah tertentu di kawasan kebuk sampah.</p> <p>Perkara ini telah menyebabkan sampah-sampah bertaburan dan berlakunya pencemaran bau di kawasan persekitaran.</p> <p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengambil tindakan segera berhubung isu ini.</p>

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis mangambil perhatian yang serius berhubung perkara ini.</p> <p>Beliau seterusnya meminta Jabatan Pengurusan Alam Sekitar untuk mengambil tindakan segera bagi membuat siasatan dan pemantauan ke atas kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam perkara ini.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar**

**4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 03/2014 Bertarikh 15 Mei 2014**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.6 m.s 8	En. Chong Hoon Ming	Rumah Kediaman Dijadikan Tempat Menjual Haiwan Peliharaan	Beliau meminta supaya pihak Majlis mengambil tindakan segera untuk menangani

				<p>masalah berhubung perkara ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara ini telah diambil perhatian oleh pihak Majlis.</p> <p>Sehubungan itu, Jabatan Perancang Bandar diminta untuk mengadakan mesyuarat penyelarasan bagi membincangkan isu ini dengan lebih lanjut bagi membolehkan Jabatan-Jabatan yang terlibat untuk meneruskan tindakan yang bersesuaian mengikut bidang kuasa masing-masing.</p>
2	Hal-Hal Lain	En. Wan Hock Leong	Isu Premis Makanan Kotor	<p>Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis mengenakan syarat tambahan kepada pemilik premis makanan yang kotor untuk membersihkan longkang dan kawasan sekitar premis mereka sebelum mereka dibenarkan untuk kembali memulakan perniagaan.</p>

				<p>Syarat ini merupakan sebahagian daripada tindakan khidmat komuniti bagi menjamin kawasan sekitar dan longkang di kawasan premis berkenaan sentiasa berkeadaan bersih.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Kesihatan untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung cadangan ini.</p> <p>Beliau seterusnya meminta supaya perkara ini dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan yang akan datang.</p>
3	Hal-Hal Lain	En. Loka Ng Sai Kai	Isu Penutupan Longkang di Uptown Di Jalan Dagang, Seri Kembangan.	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengambil tindakan ke atas operator Uptown di Jalan Dagang, Seri Kembangan berikutan tindakan

				<p>mereka menutup longkang disepanjang laluan kawasan tersebut.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Pengurusan Alam Sekitar untuk membuat semakan di tapak dan mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Pelesenan**

**4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 03/2014 Bertarikh 16 Mei 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Perbendaharaan**



**4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 03/2014 Bertarikh 16 Mei 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

**4.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 03/2014 Bertarikh 19 Mei 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan**

## 5.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 5.1 Ucapan penangguhan diterima daripada Encik Ir. Izham bin Hashim yang mewakili semua Ahli Majlis MPSJ. Beliau merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada MPSJ yang telah dianugerahkan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf 5 Bintang oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2013 dan menduduki tempat pertama dengan memperolehi 90.30 markah. Pencapaian ini sekaligus meletakkan MPSJ sebagai Pihak Berkuasa Tempatan paling cemerlang di Malaysia.

Beliau seterusnya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Dipertua MPSJ, Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan komitmen dan sokongan sehingga MPSJ berjaya mencapai prestasi yang cemerlang dan berprestij ini.

Sehubungan dengan itu, semua Ahli Majlis MPSJ berharap agar MPSJ akan terus maju dan melakar lebih banyak kejayaan di masa-masa yang akan datang disamping terus meningkatkan usaha dan komitmen bagi memartabatkan kualiti penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih tinggi sekaligus pada masa yang sama membina nama MPSJ sebagai sebuah PBT yang terunggul dan berprestasi tinggi.

**Tindakan : Makluman**

- 5.2 YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.10 pagi.

**'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI, A.M.N.)**  
Setiausaha Mesyuarat  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(DATO' ASMAWI BIN KASBI, D.S.I.S., S.M.S. )**  
Pengerusi Mesyuarat  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**